



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***RELIGIOSITI SEBAGAI MEDIATOR DALAM HUBUNGAN ANTARA  
FAKTOR SOSIAL DAN PEMBANGUNAN BELIA POSITIF DALAM  
KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI DI MALAYSIA***

**NOR HIDAYAH MOHAMED**

**FPP 2018 5**



**RELIGIOSITI SEBAGAI MEDIATOR DALAM HUBUNGAN ANTARA  
FAKTOR SOSIAL DAN PEMBANGUNAN BELIA POSITIF DALAM  
KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI DI MALAYSIA**

Oleh

**NOR HIDAYAH MOHAMED**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Disember 2017**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia ini sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**RELIGIOSITI SEBAGAI MEDIATOR DALAM HUBUNGAN ANTARA  
FAKTOR SOSIAL DAN PEMBANGUNAN BELIA POSITIF DALAM  
KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI DI MALAYSIA**

Oleh

**NOR HIDAYAH MOHAMED**

**Disember 2017**

**Pengerusi : Siti Raba'ah binti Hamzah, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kesan mediator religiositi terhadap hubungan antara faktor sosial iaitu keakraban dengan ibu bapa, keakraban dengan rakan sebaya dan jalinan sosial institusi dengan pembangunan belia positif. Teori utama yang mendasari kajian ini ialah Teori Ekologi Pembangunan Manusia, Teori Sains Pembangunan, Teori Keakraban, dan Teori Ikatan Sosial.

Kajian berbentuk tinjauan yang menggunakan teknik persampelan kluster melibatkan 677 orang pelajar kolej komuniti di seluruh Malaysia menggunakan borang soal selidik tadbir sendiri. Instrumen diadaptasi daripada *The Bridge-PYD* yang dibina oleh Lopez et al., (2014), *Muslim Religiosity-Personality Inventory (MRPI)* oleh Krauss, Hamzah dan Idris (2007), *Inventory of Parent and Peer Attachment (IPPA)* oleh Armsden dan Greenberg (1987), dan instrumen yang dibina oleh Jenkins (1997) untuk menentukan jalinan sosial institusi. Data soal selidik dianalisis menggunakan model persamaan berstruktur (*Structural Equation Modelling, SEM*).

Penemuan kajian menunjukkan tahap semua pemboleh ubah adalah tinggi secara keseluruhannya. Keputusan SEM melalui model pengukuran menunjukkan data adalah sepadan dan hubungan antara faktor sosial dengan pembangunan belia positif adalah signifikan. Manakala keputusan SEM melalui model struktural menunjukkan pengaruh keakraban dengan ibu bapa, keakraban dengan rakan sebaya dan jalinan sosial institusi terhadap pembangunan belia positif juga signifikan dan data adalah sepadan.

Analisis mediator religiositi adalah signifikan apabila religiositi bertindak sebagai mediator penuh dalam hubungan keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya dengan pembangunan belia positif. Manakala religiositi bertindak sebagai mediator separa terhadap hubungan antara jalinan sosial institusi dengan pembangunan belia positif dan analisis tersebut juga signifikan. Penemuan ini mendapati, apabila belia memasuki pertengahan remaja (umur antara 18 – 23 tahun), religiositi merupakan faktor penting yang memandu belia dalam hubungan keakraban dengan ibu bapa dan hubungan keakraban dengan rakan sebaya terhadap pembangunan belia positif. Manakala peranan jalinan sosial institusi mempunyai pengaruh dan hubungan yang kuat terhadap pembangunan belia positif.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**RELIGIOSITY AS MEDIATOR OF RELATIONSHIP BETWEEN SOCIAL FACTORS AND POSITIVE YOUTH DEVELOPMENT AMONG COMMUNITY COLLEGE STUDENTS IN MALAYSIA**

By

**NOR HIDAYAH MOHAMED**

**December 2017**

**Chairman : Siti Raba'ah binti Hamzah, PhD**

**Faculty : Educational Studies**

This study aims to determine the religiosity as mediator on the relationship between social factors including parental attachment, peer attachment and institutional social bonding with positive youth development. The main theories underlying this study are ecological theory of human development, developmental science theory, attachment theory and social bonding theory.

The survey was conducted using cluster sampling technique involving 677 community college students throughout Malaysia. The self-administered questionnaire forms were used as an instrument which was adapted from The Bridge-PYD developed by Lopez et al. (2014), Muslim Religiosity-Personality Inventory (MRPI) by Krauss, Hamzah and Idris (2007), Inventory of Parent and Peer Attachment by Arnsden and Greenberg (1987) and instrument by Jenkins (1997) to establish institutional social bonding. Data was analyzed using Structural Equation Modeling (SEM).

The findings of the study show that all the factors' level are high. The result of the SEM in measurement model shows that the model is fit the data and there was significant relationship between parental attachment, peer attachment, institutional social bonding and religiosity with positive youth development. While the SEM result from structural model shows that the influence between parental attachment, peer attachment and institutional social bonding towards positive youth development was significant and the model is fit the data.

The mediator analysis of religiosity shows that religiosity is a significant mediator when it full mediates the relationship between parental attachment and peer attachment with positive youth development. While, religiosity partially mediates the relationship between institutional social bonding and positive youth development. This finding shows that in the middle adolescents (age 18 to 23 years) phase, religiosity is an important factor to drive adolescents in relationship of parental attachment and peer attachment towards positive youth development. While institutional social bonding has influence and correlated strongly towards positive youth development.



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keagungan sifat Rahman dan Rahim-Nya, tesis ini berjaya disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi kerana telah menaja pengajian saya dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Jutaan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Jabatan Pendidikan Politeknik, Kolej Komuniti, dan Politeknik yang telah memberikan ruang dan peluang untuk saya meneroka ilmu sehingga ke peringkat ini.

Dalam kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih buat barisan Jawatankuasa Penyeliaan, terutamanya Dr. Siti Raba'ah Hamzah selaku pengerusi yang telah memberikan komitmen yang tidak berbelah bahagi serta sokongan emosi, psikologi dan spiritual sejak awal penyeliaan sehingga akhir. Jutaan terima kasih juga buat Prof. Dr. Bahaman Abu Samah dan Prof. Madya Dr Ismi Arif Ismail atas panduan, tunjuk ajar, nasihat, dorongan, dan sokongan dalam memperkemas dan menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga terima kasih buat para pensyarah dan warga Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung membantu dan memudahkan urusan sepanjang pengajian saya di jabatan ini.

Penghargaan istimewa buat suami tercinta, Mohd Hafis Sahak dan anak-anak tersayang, Hasanul, Hulaif dan Haziq yang sentiasa berdoa, menyokong, membantu dan memahami sepanjang pengajian ini. Penghargaan juga buat ibu, Siti Rahmah Mohamad dan ibu mentua, Rabaiyah@Chah Ahmad atas doa, sokongan dan semangat yang sentiasa mengiringi pengajian anakandamu ini. Buat arwah Hj Mohamed Osman, semangat dan keberkatan doa ayahanda sentiasa tersemat di sanubari dan mengiringi anakanda sepanjang pengajian ini. Moga abah tenang di sana. Terima kasih juga buat adik-beradik, saudara-mara serta adik-beradik ipar yang tidak henti-henti berdoa, bertanya khabar dan memberikan sokongan kepada saya selama ini. Kepada anak saudara, Mohd Syafiq Omar, terima kasih kerana terlibat secara langsung, turut serta dan membantu dalam penyelidikan ini.

Buat rakan-rakan seperjuangan, Jasmin, Raihan, Syuhada, Azemah, Che Zawiyah serta sahabat-sahabat yang lain, terima kasih kerana banyak membantu, berkongsi pendapat, memberikan semangat dan sentiasa bersama dari awal hingga akhir pengajian. Terima kasih juga buat semua yang terlibat dan melibatkan diri dalam penyelidikan ini. Terima kasih atas segalanya. Hanya Allah SWT yang dapat membalas jasa kalian semua. Semoga usaha kita diberkati dan diredai oleh Allah SWT sentiasa. Amin.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 14 Disember 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nor Hidayah Mohamed bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Religiositi sebagai Mediator dalam Hubungan antara Faktor Sosial dan Pembangunan Belia Positif dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Di Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A)106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Azizan Bin Asmuni, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Dato' Norhasni Binti Zainal Abidin, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Norbaya Binti Ahmad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Khairul Anwar @ Johari Bin Mastor, PhD**

Profesor  
Pusat Cita Universiti (Citra UKM)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**NOR AINI BINTI AB SHUKOR, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 Mac 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Siti Raba'ah binti Hamzah, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Bahaman bin Abu Samah, PhD**

Profesor  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Ismi Arif bin Ismail, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Nor Hidayah Binti Mohamed (GS40743)

### **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Siti Raba'ah Binti Hamzah

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Bahaman Bin Abu Samah

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Ismi Arif Bin Ismail

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PENGAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xix
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xx
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
Pengenalan	1
Konteks Kajian	1
Latar Belakang Kajian	1
Pendidikan Pengembangan dan Belia di Kolej Komuniti	4
Pembangunan Belia Positif	5
Belia Pengajian Tinggi di Malaysia	8
Permasalahan Kajian	9
Objektif Kajian	10
Objektif Khusus	11
Hipotesis Kajian	11
Kepentingan Kajian	12
Sumbangan kepada Teori	12
Sumbangan kepada Amalan	12
Sumbangan kepada Pembentukan Dasar	13
Limitasi Kajian	13
Definisi Operasional	14
Pembangunan Belia Positif	14
Keakraban dengan Ibu Bapa	15
Keakraban dengan Rakan Sebaya	15
Jalinan Sosial Institusi	15
Religiositi	15
Rumusan	16
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	<b>17</b>
Pengenalan	17
Definisi Belia	17
Teori dan Falsafah Pembangunan Belia	19
Teori Pembangunan Belia Menurut Perspektif Islam	22
Ciri-Ciri Pembangunan Belia	28
Belia dan Pembangunan Belia Positif	30

Pembangunan Belia di Malaysia	32
Pembangunan Belia Positif	35
Aplikasi Pembangunan Belia Positif	41
Pembangunan Belia Positif Sebagai Proses	
Pembangunan Semula Jadi	41
Pendekatan Pembangunan Belia Positif Sebagai	
Proses Pembangunan Semula Jadi	42
Kajian Bertujuan oleh William Damon	42
Institusi Penyelidikan dan Pembangunan Aset	
oleh Peter Benson	43
Kajian Kesesuaian Persekitaran dan	
Motivasi Oleh Jacqueline Eccles	45
Kajian Remaja Positif-Peralihan Zaman	
Dewasa oleh Stephen Hamilton, Mary	
Agnes Hamilton	45
Kajian Pembangunan Individu dan Proses	
Hubungan Konteks dan Pembangunan Belia	
Positif oleh Lerner dan Rakan-rakan	46
Pendekatan Pembangunan Belia Positif Sebagai	
Prinsip, Falsafah atau Pendekatan untuk	
Program Belia	48
Pembangunan Belia Positif sebagai Contoh	
Program Belia dan Fokus Organisasi	50
Model Pembangunan Belia Positif 5C ( <i>Competence,</i>	
<i>Confidence, Connection, Character, Caring &amp; Compassion</i> )	50
Faktor Yang Mempengaruhi Tingkah Laku Belia dalam	
Pembangunan Belia Positif	52
Hubungan Keakraban dengan Ibu Bapa Terhadap	
Pembangunan Belia	53
Hubungan Keakraban dengan Rakan Sebaya	
Terhadap Pembangunan Belia	55
Hubungan Jalinan Sosial Institusi Terhadap	
Pembangunan Belia	56
Hubungan Religiositi Terhadap	
Pembangunan Belia	59
Religiositi Sebagai Mediator	61
Hubungan antara Keakraban dengan Ibu Bapa, Keakraban	
Dengan Rakan Sebaya dan Jalinan Sosial Institusi	
dengan Religiositi	62
Kerangka Teori Kajian	64
Rumusan	67

<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>68</b>
	Pengenalan	68
	Reka Bentuk Kajian	68
	Kerangka Kajian	70
	Populasi	70
	Persampelan Kajian	73
	Prosedur Persampelan	73
	Instrumen Kajian	80
	Kaedah Soal Selidik	81
	Instrumentasi Pembangunan Belia Positif	82
	Instrumentasi Keakraban dengan Ibu Bapa dan Keakraban dengan Rakan Sebaya	83
	Instrumentasi Jalinan Sosial Institusi	84
	Instrumentasi Religiositi	84
	Proses Penterjemahan Instrumen Kajian	84
	Pengumpulan Data	85
	Kesahan dan Kebolehpercayaan	86
	Kesahan	86
	Kebolehpercayaan	87
	Kajian Rintis	87
	Tatacara Analisis Data	89
	Statistik Deskriptif	89
	Statistik Inferensi	90
	Model Persamaan Berstruktur ( <i>Structural Equation Modeling, SEM</i> )	90
	Model Kesepadanan ( <i>Goodness of Fit, GOF</i> )	91
	<i>Confirmatory Factor Analysis (CFA)</i> dan <i>Second Order CFA Models</i>	93
	Kesahan Memusat ( <i>Convergent Validity</i> )	94
	Kebolehpercayaan Konstruk ( <i>Construct Reliability</i> )	95
	Faktor Pemboleh Ubah Keakraban dengan Ibu Bapa	96
	Faktor Pemboleh Ubah Keakraban dengan Rakan Sebaya	97
	Faktor Pemboleh Ubah Jalinan Sosial Institusi	98
	Faktor Pemboleh Ubah Pembangunan Belia Positif	100
	Model Pengukuran ( <i>Measurement Model</i> )	102
	Kesahan Pendiskriminan ( <i>Discriminant Validity</i> )	102
	Penilaian Normaliti dan <i>Outliers</i>	102
	Model Struktural ( <i>Structural Model</i> )	103
	Analisis Mediator	103
	Faktor Pemboleh Ubah Mediator Religiositi	106
	Model Pengukuran Penuh ( <i>Measurement Model, MM</i> )	107
	Hubungan antara Pemboleh Ubah Keakraban dengan Ibu Bapa, Keakraban dengan Rakan Sebaya, Jalinan Sosial Institusi dan Religiositi dengan Pembangunan Belia Positif	109

	Kesahan Konstruk ( <i>Construct Validity</i> ) dan Kesahan Memusat ( <i>Convergent Validity</i> )	109
	Kesahan Pendiskriminan ( <i>Discriminant Validity</i> )	110
	Ujian Normaliti	111
	Ujian Penentuan <i>Outliers</i>	111
	Ujian Multikolineariti	112
	Rumusan	112
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>113</b>
	Pengenalan	113
	Analisis Demografi Responden	113
	Profil Responden Kajian	113
	Analisis Deskriptif	116
	Tahap Pembangunan Belia Positif dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti	116
	Tahap Keakraban dengan Ibu Bapa dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti	119
	Tahap Keakraban dengan Rakan Sebaya dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti	121
	Tahap Jalinan Sosial Institusi dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti	124
	Tahap Religiositi dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti	127
	Analisis Hubungan dan Pengaruh Keakraban dengan Ibu Bapa, Keakraban dengan Rakan Sebaya, Jalinan Sosial Institusi dan Religiositi terhadap Pembangunan Belia Positif	131
	Hipotesis hubungan antara Keakraban dengan Ibu Bapa, Keakraban dengan Rakan Sebaya, Jalinan Sosial Institusi dan Religiositi dengan Pembangunan Belia Positif	132
	Hubungan antara Keakraban dengan Ibu Bapa dan Pembangunan Belia Positif	132
	Hubungan antara Keakraban dengan Rakan Sebaya dan Pembangunan Belia Positif	132
	Hubungan antara Jalinan Sosial Institusi dan Pembangunan Belia Positif	132
	Hubungan antara Religiositi dan Pembangunan Belia Positif	133
	Hipotesis pengaruh antara Keakraban dengan Ibu Bapa, Keakraban dengan Rakan Sebaya, dan Jalinan Sosial Institusi terhadap Pembangunan Belia Positif	134
	Pengaruh Keakraban dengan Ibu bapa terhadap Pembangunan Belia Positif	135
	Pengaruh Keakraban dengan Rakan Sebaya terhadap Pembangunan Belia Positif	135
	Pengaruh Jalinan Sosial Institusi terhadap Pembangunan Belia Positif	135



Analisis Mediator Religiositi antara Keakraban dengan Ibu Bapa, Keakraban dengan Rakan Sebaya, Jalinan Sosial Institusi dengan Pembangunan Belia Positif	136
Analisis Mediator Religiositi terhadap hubungan Keakraban dengan Ibu Bapa dan Pembangunan Belia Positif	137
Analisis Mediator Religiositi terhadap hubungan Keakraban dengan Rakan Sebaya dan Pembangunan Belia Positif	138
Analisis Mediator Religiositi terhadap hubungan Jalinan Sosial Institusi dan Pembangunan Belia Positif	139
Perbincangan Hubungan dan Pengaruh Keakraban dengan Ibu Bapa, Keakraban dengan Rakan Sebaya, Jalinan Sosial Institusi dan Religiositi terhadap Pembangunan Belia Positif	140
Hubungan dan pengaruh antara Keakraban dengan Ibu Bapa dan Pembangunan Belia Positif (Hipotesis 1 dan 5)	140
Hubungan dan pengaruh antara Keakraban dengan Rakan Sebaya dan Pembangunan Belia Positif (Hipotesis 2 dan 6)	141
Hubungan dan pengaruh antara Jalinan Sosial Institusi dan Pembangunan Belia Positif (Hipotesis 3 dan 7)	142
Hubungan antara Religiositi dengan Pembangunan Belia Positif (Hipotesis 4)	143
Religiositi sebagai Mediator antara hubungan Keakraban dengan Ibu Bapa dan Pembangunan Belia Positif (Hipotesis 8)	145
Religiositi sebagai Mediator antara hubungan Keakraban dengan Rakan Sebaya dan Pembangunan Belia Positif (Hipotesis 9)	146
Religiositi sebagai Mediator antara hubungan Jalinan Sosial Institusi dan Pembangunan Belia Positif (Hipotesis 10)	147
Keputusan Keseluruhan dan Hipotesis	148
Rumusan	150
<b>5 RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>151</b>
Pengenalan	151
Ringkasan Penemuan Kajian	151
Kesimpulan	153
Implikasi Kajian	156
Implikasi terhadap Teori	156
Implikasi terhadap Praktis	158
Cadangan Penyelidikan	159
Rumusan	160

**RUJUKAN**  
**LAMPIRAN**  
**BIODATA PELAJAR**  
**SENARAI PENERBITAN**

161  
191  
205  
206



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1 Bilangan pelajar kolej komuniti mengikut umur	9
2.1 Definisi belia mengikut umur daripada pelbagai organisasi	18
2.2 Ringkasan teori pembangunan belia	21
2.3 Lapan peringkat psikososial (Konflik emosi dan ciri-cirinya)	29
2.4 Pembangunan belia positif – pembangunan kesejahteraan aset belia negara	44
2.5 Ringkasan aplikasi pembangunan belia positif sebagai proses pembangunan semula jadi	47
2.6 Ringkasan pendekatan pembangunan belia positif untuk program belia	49
2.7 Definisi 5C daripada pembangunan belia positif	51
2.8 Ringkasan kajian 5C	52
2.9 Terma jaringan sosial institusi/sekolah	58
3.1 Senarai kolej komuniti seluruh Malaysia serta bilangan pelajar	71
3.2 Jumlah pelajar kolej komuniti mengikut zon dan jantina	75
3.3 Jumlah pelajar kolej komuniti mengikut zon dan bangsa	75
3.4 Taburan responden mengikut semester	76
3.5 Kebolehpercayaan instrumen mengikut pemboleh ubah	80
3.6 Taburan item soal selidik	82
3.7 Pengumpulan data mengikut zon	85
3.8 Analisis kebolehpercayaan instrumen prauji dan kajian sebenar	87
3.9 Ringkasan kategori bagi setiap tahap	89
3.10 Kategori indeks kesepadanan dan tahap penerimaan bagi setiap indeks	92
3.11 Ringkasan indeks kesesuaian untuk keakraban ibu bapa	96
3.12 Ringkasan indeks kesesuaian untuk keakraban rakan sebaya	98

3.13	Ringkasan indeks kesesuaian untuk jalinan social institusi	99
3.14	Ringkasan indeks kesesuaian untuk pembangunan belia positif	101
3.15	Ringkasan indeks kesesuaian untuk religiositi	107
3.16	Ringkasan indeks kesesuaian untuk model pengukuran	108
3.17	Data hubungan, r setiap pemboleh ubah	109
3.18	Faktor beban, AVE dan CR	110
3.19	Nilai CR, AVE (diagonal) dan korelasi, $r^2$ antara konstruk	111
4.1	Maklumat demografi responden kajian (n=677)	114
4.2	Latar belakang ibu bapa atau penjaga responden (n=677)	115
4.3	Tahap pembangunan belia positif (n=677)	117
4.4	Peratus, min dan sisihan piawai item pembangunan belia positif	118
4.5	Tahap keakraban dengan ibu bapa (n=677)	120
4.6	Peratus, min dan sisihan piawai setiap item keakraban dengan ibu bapa	121
4.7	Tahap keakraban dengan rakan sebaya (n=677)	122
4.8	Peratus, min dan sisihan piawai setiap item keakraban dengan rakan sebaya	123
4.9	Tahap jalinan sosial institusi (n=677)	124
4.10	Peratus, min dan sisihan piawai setiap item jalinan sosial institusi	127
4.11	Tahap religiositi (n=677)	128
4.12	Peratus, min dan sisihan piawai setiap item religiositi	128
4.13	Data hubungan setiap pemboleh ubah dengan pembangunan belia positif	131
4.14	Ringkasan indeks kesesuaian model struktural	133
4.15	Data pengaruh setiap pemboleh ubah terhadap pembangunan belia positif	135

4.16	Keputusan analisis pengaruh antara konstruk terhadap pembangunan belia positif	136
4.17	Hasil ujian kesan tak langsung ( <i>indirect effects</i> ) antara hubungan keakraban dengan ibu bapa dengan pembangunan belia positif melalui mediator religiositi	137
4.18	Hasil ujian kesan tak langsung ( <i>indirect effects</i> ) antara hubungan keakraban dengan rakan sebaya dengan pembangunan belia positif melalui mediator religiositi	138
4.19	Hasil ujian kesan tak langsung ( <i>indirect effects</i> ) antara hubungan jalinan sosial institusi dengan pembangunan belia positif melalui mediator religiositi	139
4.20	Ringkasan dapatan analisis keputusan kajian berdasarkan objektif dan hipotesis	148

## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Tiga fasa dalam sejarah pembangunan remaja/belia	19
2.2:	Empat unsur utama struktur manusia oleh Al-Ghazali	23
2.3	Peringkat dan ciri-ciri nafsu manusia	25
2.4	Karakteristik pembangunan belia	28
2.5	Model Ekologi Pembangunan Manusia	38
2.6	Hubungan antara model Teori Sains Pembangunan	40
2.7	Teori Ekologi Pembangunan Manusia (diubah suai)	66
2.8	Kerangka teori kajian	67
3.1	Carta alir penyelidikan	69
3.2	Kerangka kajian	70
3.3	Prosedur persampelan kelompok dua tingkat untuk memilih 600 orang pelajar kolej komuniti di seluruh negara	74
3.4	Model <i>second order CFA</i> untuk pemboleh ubah keakraban dengan ibu bapa	97
3.5	Model <i>second order CFA</i> untuk pemboleh ubah keakraban dengan rakan sebaya	98
3.6	Model <i>second order CFA</i> untuk pemboleh ubah jalinan sosial institusi	100
3.7	Model <i>second order CFA</i> untuk pemboleh ubah pembangunan belia positif	101
3.8	Penerangan ketiga-tiga hubungan	104
3.9	Model <i>second order CFA</i> untuk pemboleh ubah religiositi	107
3.10	Model pengukuran penuh	108
4.1	Model struktural kajian	134
5.1	Model akhir kajian	156

## SENARAI SINGKATAN

AGFI	Adjusted Goodness of Fit Indexes
AVE	Average Variance Extracted
CFA	Confirmatory Factor Analysis
CFI	Comparative Fit Index
CI	Confidence Interval
DST	Developmental Science Theory
GFI	Goodness of Fit Indexes
GOF	Goodness of Fit
IPPA	Inventory of Parent and Peer Attachment
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
JPKK	Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
MLE	Maximum Likelihood Estimation
MRPI	Muslim Religiosity-Personality Inventory
NFI	Normal-Fit Indexes
PGFI	Parsimony Goodness of Fit Index
PNFI	Parsimony Normed Fit Index
PYD	Positive Youth Development
RMSEA	Root Mean Square Error of Approximation
SEM	Structural Equation Modelling
SIE	Standardize Indirect Effect
TLI	Tucker-Lewis Index
TVET	Technical and Vocational Education
URPI	Universal Religiosity-Personality Inventory

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian mengenai pembangunan belia secara teoritikal dan praktis berpaksikan kajian literatur, permasalahan kajian, objektif, kepentingan, skop dan limitasi kajian serta definisi istilah dan ringkasan.

#### Konteks Kajian

Bab ini dimulakan dengan pengenalan pendidikan pengembangan dan pembangunan belia, pendidikan pengembangan dan belia di kolej komuniti, belia dan pembangunan belia positif, pembangunan belia di Malaysia dan perspektif pembangunan belia positif dalam kalangan pelajar di Malaysia. Belia dalam kalangan pelajar yang sedang menuntut di peringkat tertiar, iaitu pelajar kolej komuniti merupakan fokus belia dalam kajian ini memandangkan mereka merupakan aset, agen dan sumber dalam pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Belia tidak akan membangun dengan sendiri tanpa dipengaruhi oleh komponen terhampir serta komponen paling jauh yang mampu membentuk tingkah laku tertentu. Kajian ini akan menyentuh tentang pengaruh keakraban dengan ibu bapa, keakraban dengan rakan sebaya dan jalinan sosial institusi serta religiositi terhadap pembangunan belia positif dalam kalangan pelajar kolej komuniti di Malaysia.

#### Latar Belakang Kajian

Pembangunan belia merupakan skop pendidikan pengembangan yang menjadi subjek penting dan kerap difokuskan dalam penyelidikan pengembangan dan pembangunan manusia (Hershberg, Johnson, DeSouza, Hunter & Zaff, 2015; Ho, Clarke & Dougherty, 2015; Perkins, Borden & Villarruel, 2001; Hamzah, 1994; Idris & Hamzah, 1994; Kelsey & Hearne, 1963). Bidang pengembangan yang meliputi tiga bahagian penting termasuklah pendidikan pengembangan, perkhidmatan pengembangan dan proses pengembangan (Wu, Lin & Chang, 2011; Ismail, 1999; 1990). Pendidikan merupakan indikator yang mampu menilai sesebuah kemajuan dalam suatu proses pembangunan yang meliputi kemajuan dari segi ekonomi, sosial dan kemanusiaan (Ismail, 1999; 1990). Manakala pendidikan pengembangan merupakan bidang sains sosial yang meliputi sains fizikal, biologi dan sosial dalam proses tersendiri dan disintesis ke dalam bidang ilmu pengetahuan, konsep, prinsip dan orientasi prosedur untuk menyediakan pendidikan tidak formal kepada seseorang individu (Leagans, 1971).



Di samping itu, perkhidmatan pengembangan merujuk kepada pekerja yang mengimplementasi program pengembangan manakala proses pengembangan ialah pekerjaan tidak formal yang dilakukan berdasarkan keperluan untuk meningkatkan taraf hidup dan kebajikan keluarga luar bandar. Sistem pendidikan pengembangan bertujuan untuk mengintegrasikan sumber manusia dan sumber-sumber lain ke arah penyampaian matlamat pembangunan individu, masyarakat dan negara. Pada dasarnya, pengembangan merupakan satu disiplin berasaskan pertanian, namun skopnya telah berkembang meluas kepada bidang-bidang lain seperti kesihatan, pembangunan masyarakat, ekonomi, pemakanan, pendidikan dan disokong oleh disiplin sosiologi, psikologi, antropologi, pentadbiran dan komunikasi (Ismail, 1999;1990). Selain itu, Kelsey and Hearne (1963) pula mengenal pasti sembilan skop pendidikan pengembangan yang tidak terhad untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat dan mengubah tingkah laku mereka dengan menyebarkan maklumat dan mendidik mereka. Sembilan skop pendidikan pengembangan tersebut ialah:

- 1) Keberkesanan dalam penghasilan produk pertanian
- 2) Keberkesanan dalam pemasaran, pengedaran dan penggunaan
- 3) Pemuliharaan, pembangunan dan penggunaan sumber semula jadi
- 4) Pengurusan di ladang dan di rumah
- 5) Kehidupan keluarga
- 6) Pembangunan belia
- 7) Pembangunan kepimpinan
- 8) Pembangunan masyarakat dan pembangunan kawasan luar bandar
- 9) Hal ehwal awam

Skop pendidikan pengembangan yang dinyatakan menunjukkan pendidikan pengembangan bukanlah satu bidang atau disiplin yang sempit malah ia merangkumi pelbagai disiplin termasuk belia, kemasyarakatan, kepimpinan dan sebagainya.

Sejajar dengan perkembangan semasa, pendidikan pengembangan didefinisikan sebagai satu proses katalisis dan fasilitasi pembelajaran yang dinamik ke arah membangunkan individu, kelompok dan organisasi agar boleh berusaha memperbaiki diri, masyarakat dan negara (Hamzah, 1994). Dalam usaha mencapai matlamat di atas, pendidikan pengembangan menggunakan pendekatan seperti ;1) Menyebar maklumat melalui tulisan, lisan, pengalaman sebenar dan perbandingan; 2) Menggalakkan, mendorong dan memberi inisiatif; 3) Mengetahui pasti masalah dan isu; 4) Berkhidmat secara sistematik; 5) Menyedia, membentuk dan mengintegrasikan sumber (terutamanya struktur kepimpinan); 6) Memberi maklum balas yang sesuai; dan 7) Menggalakkan pembangunan manusia. Menelusuri abad ini, bidang pendidikan mengalami perubahan yang begitu ketara melalui perluasan skop pendidikan serta pengiktirafan. Pendidikan perlu dilihat secara holistik apabila peluang pendidikan perlu diberi kepada individu-individu yang telah meninggalkan sistem pendidikan formal supaya mereka berupaya menghadapi perubahan diri dan persekitaran. Pendidikan tidak formal mampu memberi penekanan kepada pembangunan

kemahiran seperti menimba ilmu, mengubah sikap dan menambah kemahiran melalui pengalaman (Hamzah, 1994; Ismail, 1999; 1990).

Dalam konteks pembangunan belia, pendidikan tidak formal diterima untuk menghasilkan pertumbuhan individu belia yang sihat dan seimbang dalam pembangunan rohani, sosial, ekonomi, kebudayaan dan politik (Abd. Hamid, Othman, Hassan & Kassim, 2003; Hamzah, 1994). Individu belia atau kumpulan merupakan penerima yang bersedia memikul tanggungjawab untuk memperbaiki diri serta memberi sumbangan kepada pembangunan keluarga, kumpulan, masyarakat dan negara.

Pendidikan pengembangan memainkan peranan yang penting dalam pembentukan program-program pembangunan, penyelidikan, pemindahan teknologi dan pembangunan modal insan (Sail & Abu Samah, 2010; Sail, 2010; Darmawiredja, Hassan, Sail & Shah, 1996; Hamzah, 1994; Ismail, 1990). Falsafah pendidikan pengembangan (Hamzah, 1994; Ismail, 1999;1990; Leagans, 1971) sebagaimana yang digariskan oleh sarjana pendidikan pengembangan termasuklah:

1. Pendidikan pengembangan pada asasnya adalah merupakan sistem pendidikan tidak formal untuk orang dewasa dan golongan remaja. Ia merupakan sistem di mana individu didorong melalui pendekatan yang betul yang bertujuan untuk membantu individu mahupun komuniti dengan menerapkan pengetahuan, sikap dan amalan dalam kehidupan seharian mereka, seperti bidang pertanian, kehidupan kekeluargaan dan kehidupan komuniti.
2. Pendidikan pengembangan adalah pendidikan untuk semua masyarakat.
3. Pendidikan pengembangan membawa perubahan yang dikehendaki dalam pengetahuan, sikap dan kemahiran individu dan komuniti.
4. Pendidikan pengembangan membantu individu untuk membantu diri mereka sendiri (penghakupayaan).
5. Pendidikan pengembangan bekerja dengan golongan dewasa dan remaja sama ada lelaki atau wanita untuk memenuhi keperluan dan kehendak mereka.
6. Pendidikan pengembangan adalah pendidikan melalui "pembelajaran melalui amalan" dan "kepercayaan melalui penglihatan".
7. Pendidikan pengembangan bekerja dalam keadaan harmoni dengan kepelbagaian budaya masyarakat.
8. Pendidikan pengembangan adalah saluran dua hala yang membawa maklumat saintifik kepada masyarakat dan sebaliknya untuk mencari penyelesaian.
9. Pendidikan pengembangan adalah bekerjasama (dalam kumpulan) untuk mengembangkan kebajikan dan kebahagiaan masyarakat, keluarga, negara dan bangsa.
10. Pendidikan pengembangan adalah perkembangan kepemimpinan individu dalam kehidupan seharian dan masyarakat secara keseluruhan.

Selaras dengan definisi, skop dan falsafah pendidikan pengembangan yang merupakan pendidikan tidak formal penting dalam sesebuah masyarakat atau golongan belia, falsafah ini dilihat relevan dengan sistem pengajian kolej komuniti di Malaysia yang bukan sahaja menyediakan pendidikan formal, malah memberi laluan alternatif kepada pelajar-pelajar yang tercicir dalam pengajian formal untuk menyambung pengajian serta merupakan institusi yang dekat dengan komuniti. Selain membangunkan belia dengan latihan dalam bidang teknikal dan vokasional, kolej komuniti menyediakan pendidikan seumur hidup kepada individu dan masyarakat setempat untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Kolej komuniti merupakan agensi kerajaan yang berperanan sebagai agen pendidikan pengembangan yang dapat membangunkan masyarakat (Ismail, 1999;1990).

### **Pendidikan Pengembangan dan Belia di Kolej Komuniti**

Pengembangan ilmu pendidikan pengembangan yang bukan sahaja menjurus kepada bidang pertanian malah lebih daripada itu menjadikan bidang ilmu ini sentiasa diteroka dan dipelbagaikan. Pembangunan belia yang merupakan salah satu skop dalam pendidikan pengembangan, ditambah pula dengan institusi kolej komuniti yang merupakan agen pendidikan formal dan tidak formal merupakan gabungan elemen pendidikan pengembangan yang tepat dalam mengintegrasikan usaha membangunkan individu, keluarga, masyarakat dan negara. Kolej komuniti yang ditubuhkan melalui memorandum yang dikemukakan oleh Menteri Pendidikan kepada Jemaah Menteri pada 05 Julai 2000 (Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, 2012). Kabinet telah bersetuju menjadikan kolej komuniti sebagai hab pembelajaran sepanjang hayat. (Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 2012; KITKK, 2015)

Antara objektif penubuhan kolej komuniti termasuklah (Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 2012; KITKK, 2015):

- 1) Menyediakan laluan alternatif kepada pelajar lepasan menengah dan pelajar yang tercicir daripada pendidikan formal untuk mengikuti latihan dan pengajian dalam bidang teknikal dan vokasional;
- 2) Menyediakan pendidikan seumur hidup kepada individu dan masyarakat setempat bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat;
- 3) Membolehkan syarikat-syarikat swasta menggunakan khidmat kolej komuniti untuk memberi latihan kepada pekerja mereka;
- 4) Mewujudkan kerjasama yang erat antara ahli masyarakat, kerajaan tempatan dan sektor swasta bagi memajukan kawasan setempat;
- 5) Menyelaraskan latihan dan kemahiran yang disediakan oleh pelbagai kementerian supaya dapat memenuhi keperluan pasaran dan penduduk setempat.
- 6) Memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk menggunakan kemudahan yang disediakan di kolej komuniti; dan
- 7) Memberi khidmat nasihat/kaunseling kepada masyarakat setempat bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan perkembangan kerjaya mereka.

Berdasarkan objektif penubuhan kolej komuniti, jelas institusi ini mampu membangunkan belia dan komuniti setempat dengan kemudahan yang disediakan serta peluang-peluang pendidikan formal dan tidak formal berdasarkan keperluan dan permintaan. Sehingga kini, kolej komuniti telah melalui beberapa fasa, iaitu fasa penubuhan (2001-2006), fasa penjenamaan semula (2007-2009) dan fasa pengukuhan (2010-2011) bagi memastikan peranan kolej komuniti relevan dan diterima oleh masyarakat. Penuntut di kolej komuniti terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat bukan sahaja belia malah pekerja industri, komuniti setempat, pesara, penganggur, suri rumah, warga emas, pelajar universiti dan sebagainya. Pendidikan formal yang menasarkankan golongan belia terdiri daripada kursus sijil sepenuh masa yang perlu diikuti selama dua tahun untuk melayakkan pelajar bekerja dan menyambung pengajian ke peringkat seterusnya. Pelbagai kursus yang ditawarkan terutamanya bidang teknikal dan vokasional untuk memastikan pelajar memiliki bidang kemahiran tersendiri yang mampu meningkatkan kebolehpasaran mereka (Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 2012; KITKK, 2015).

Selain itu, kolej komuniti terkenal dengan kursus pembelajaran sepanjang hayat yang dilaksanakan berdasarkan keperluan masyarakat setempat. Sehingga 2014, seramai 1,623,069 peserta telah mengikuti kursus jangka pendek seperti kursus jahitan, masakan, kesenian, pastri dan sebagainya (KITKK, 2015). Peranan dan penyertaan belia serta masyarakat dalam sistem kolej komuniti menunjukkan pendidikan pengembangan diamalkan dengan jayanya dan berkembang. Walaupun kolej komuniti telah ditubuhkan 15 tahun yang lalu, namun penyelidikan mengenai institusi dan pelajar masih kurang dan perlu diteroka. Oleh itu, penyelidikan pendidikan pengembangan pembangunan belia di kolej komuniti dijalankan untuk penambahbaikan dan peningkatan kompetensi institusi dan warga kolej komuniti amnya.

### **Pembangunan Belia Positif**

Pembangunan belia positif merupakan terma yang diwujudkan hasil kajian saintis pembangunan belia yang berdasarkan kajian perbandingan dan evolusi biologi mengenai potensi yang dimiliki oleh belia untuk berubah secara sistematik dan fleksibel dalam pembangunan mereka (Silbereisen & Lerner, 2007; Lerner, 1992). Kajian ini telah memperkenalkan Teori Sains Pembangunan atau *Developmental Science Theory* yang mengaitkan potensi yang dimiliki oleh belia untuk berubah dalam tingkah laku adalah disebabkan oleh hasil hubungan yang wujud dan saling berpengaruh antara individu yang membangun dengan karakteristik biologi, psikologi, keluarga, masyarakat, budaya, ekologi fizikal serta faktor sejarah (Lerner et al., 2005; Lerner & Castellino, 2002). Oleh yang demikian, Teori Sains Pembangunan menerangkan pembangunan manusia yang bersifat *bidirectional*, iaitu proses perhubungan dua hala dan dwiarah antara individu dan konteks (Lerner, Lerner, Almerigi, Theokas, Phelps, Naudeau, & Von Eye, 2006).

Teori Sains Pembangunan terhasil daripada teori ekologi pembangunan manusia (Bronfenbrenner, 1994; 1986; 1979; 1977) yang terdiri daripada lima sistem yang sentiasa berhubung antara satu sama lain (mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem) daripada tetapan yang paling hampir hingga tetapan yang paling jauh dalam pembangunan seseorang individu. Komponen-komponen di setiap tetapan atau konteks berhubung secara langsung dengan individu dan sebaliknya serta proses ini berlaku secara berterusan. Sekiranya keperluan pembangunan belia yang terdapat dalam konteks ekologi selari dengan kehendak/sumber yang ada pada belia, maka belia akan membangun secara positif dan berkembang (Theokas & Lerner, 2006).

Theokas dan Lerner (2006) mengelaskan aset ekologi kepada empat kategori, iaitu orang (*human*), fizikal atau institusi, aktiviti kumpulan dan aksesibiliti. Sumber manusia (*human*) dapat memmanifestasi tingkah laku positif dan negatif serta norma sosial terhadap seseorang individu dalam konteks tertentu (Coleman, 1988). Dimensi kedua aset ekologi ialah sumber fizikal dan institusi dalam persekitaran sosial. Aset ini akan mempengaruhi peluang pembelajaran, rekreasi dan penglibatan dengan individu seterusnya mewujudkan rutin dan menstrukturkan belia. Kewujudan aset ekologi ini akan membantu belia menimba pengalaman dan menjadikan pengalaman tersebut sebagai rutin mereka kelak. Dimensi ketiga ialah aktiviti berkumpulan yang mampu membantu menggalakkan keterlibatan belia bersama komuniti, ibu bapa, persatuan belia dan sebagainya. Seterusnya, dimensi keempat ialah aksesibiliti yang mewujudkan suasana dinamik antara individu dengan kontekstualnya. Aksesibiliti merujuk kepada potensi belia untuk berinteraksi dengan orang dewasa dalam tetapan tertentu.

Keempat-empat dimensi ekologi (Urban, Lewin-Bizan, & Lerner, 2009) ini menunjukkan kepentingan pengaruh psikologi, sosiologi dan biologi terhadap pembangunan individu belia daripada komponen kontekstual mereka yang bersifat dwiarah. Hubungan keakraban antara ibu bapa yang merupakan tetapan yang paling hampir (Bronfenbrenner, 1979) dengan anak merupakan satu ikatan yang kuat dan mampu menghasilkan nilai kepercayaan anak terhadap ibu bapa dan membentuk tingkah laku tertentu (Bowlby, 1982; Ainsworth, 1989). Hubungan secara dwiarah antara ibu bapa dan anak sejak dari kecil akan mempengaruhi anak untuk menjadi seorang belia yang membangun dan berkembang. Kanak-kanak yang mempunyai keakraban yang selamat dengan ibu bapa akan membesar sebagai seorang yang sihat dan berfungsi (Schore, 2002; Schofield, 2002; Raja, McGee, & Stanton, 1992 Armsden & Greenberg, 1987).

Seterusnya, apabila tiba fasa remaja, tingkah laku keakraban akan beralih kepada figura selain ibu bapa (Nickerson & Nagle, 2005). Komponen dalam konteks pembangunan belia selain ibu bapa juga merupakan elemen penting yang mempengaruhi pembangunan belia. Teori keakraban teraplikasi pada individu di setiap peringkat. Adalah menjadi keperluan manusia untuk menjalinkan keakraban. Manusia akan mula akrab dengan orang lain apabila

mereka yakin dengan persekitaran dan dapat mengawal situasi mereka (Bowlby, 1988). Rakan sebaya merupakan figura paling rapat selepas ibu bapa yang akan menjalinkan keakraban dengan individu belia dalam pembangunan mereka. Membangunkan ikatan dengan rakan sebaya yang positif adalah penting untuk pembangunan psikologi dan kehidupan sosial yang sihat (Lee, 2006; Wilkinson, 2004).

Selain itu, dimensi aset ekologi fizikal yang mempengaruhi pembangunan belia merupakan institusi atau sekolah yang boleh mempengaruhi aksesibiliti sosial antara kedua-duanya. Sekolah/institusi merupakan agen sosial dan jalinan dengan sekolah berperanan dalam pembangunan belia positif. Teori ikatan sosial (Hirschi, 1969) menyatakan, seseorang tidak akan terlibat dengan aktiviti delinkuen apabila terdapat ikatan dengan ibu bapa, rakan sebaya dan sekolah. Ikatan yang kuat antara belia dengan institusi akan menjadikan belia komited dengan aktiviti pembelajaran, terlibat dengan program dan persatuan, akrab dengan individu lain di institusi dan terikat dengan peraturan dan undang-undang di institusi yang mampu mengawal mereka daripada terlibat dengan perkara negatif.

Selain itu, Teori Psikososial yang diasaskan oleh Erik Erikson (1968; 1963) terkenal dengan lapan peringkat pembangunan manusia sebagai pengaruh yang signifikan terhadap orang lain dan institusi sosial. Setiap peringkat dibezakan dengan krisis psikososial atau 'titik alih' yang perlu diselesaikan dengan menyeimbangkan persekitaran dalaman individu dan persekitaran luaran. Lapan peringkat psikososial tersebut termasuklah zaman bayi, zaman awal kanak-kanak, zaman prasekolah, zaman sekolah rendah, zaman remaja, zaman dewasa awal, dan zaman dewasa akhir. Zaman remaja merupakan zaman yang sinonim dengan belia, iaitu peringkat yang dikenali sebagai peringkat identiti lwn kekeliruan identiti. Pada fasa ini, belia cuba menghubungkan kepakaran dan peranan sosial dengan matlamat kerjaya (Cuba memahami diri; menghadapi krisis identiti; sensitif kepada perubahan badan dan imej sendiri; membentuk konsep sendiri positif dan juga negatif; perkembangan emosi berlandaskan emosi peringkat terdahulu).

Kekeliruan ini menyebabkan Erikson (1968; 1963; Zock, 1990) membuat spekulasi bahawa agama menyediakan sokongan sosial dan membantu membangunkan nilai-nilai sosial, fungsi yang mungkin untuk melindungi belia daripada terasing atau tersisih. Erikson (1964; 1965) menyatakan bahawa agama berperanan penting dalam proses pembangunan remaja. Keagamaan sangat berkait rapat dengan hasil positif dan nilai prososial serta mengurangkan tingkah laku risiko dan kenakalan tingkah laku yang tidak sihat (Salas-Wright, Olate & Vaughn, 2013; Shek, 2012; Wallace & Williams, 1997; Donahue, & Benson, 1995). Kajian terhadap pembangunan nilai agama dan spiritual dan hubungannya dengan pembangunan belia semakin diteroka dan berkembang (Shek & Ho, 2016; King & Boyatzis, 2015; Salas-Wright, Olate & Vaughn, 2013; James & Fine, 2015; King & Roeser, 2009). Oleh yang demikian, nilai agama merupakan komponen yang perlu diberi perhatian yang lebih dalam pembangunan belia kerana belia masih mencari identiti dan agama dapat

memandu mereka mencapai matlamat mereka serta membawa hasil (*outcome*) yang positif (Davis III & Kiang, 2016; Schnitker, Felke, Barrett & Emmons, 2014; Yonker, Schnabelrauch & DeHaan, 2012; Regenerus, 2003).

## **Belia Pengajian Tinggi di Malaysia**

Belia di institusi terdiri daripada belia bersekolah dan belia pengajian tinggi sebagaimana yang dinyatakan dalam Dasar Belia Malaysia termasuk dalam lapan kumpulan sasaran belia. Belia Pengajian Tinggi ialah belia yang menyambung pengajian pada peringkat pengajian tinggi, termasuklah universiti awam, universiti swasta, institusi latihan kemahiran awam atau swasta, politeknik, kolej komuniti dan kursus profesional (Dasar Belia Malaysia, 2015). Kolej komuniti merupakan institusi yang sedang berkembang yang menawarkan bidang teknikal dan vokasional (TVET) yang sedang diarusperdanakan dalam memenuhi keperluan negara. Sebanyak 60 peratus daripada pekerjaan yang akan diwujudkan dijangka memerlukan kemahiran berkaitan TVET. Ke arah ini, TVET dikenal pasti sebagai pemacu perubahan bagi Malaysia menghasilkan modal insan berkemahiran. Secara keseluruhannya, bidang fokus ini akan menghasilkan modal insan bertaraf dunia yang diperlukan Malaysia dalam fasa terakhir untuk menjadi negara maju (RMK-11, 2015).

Belia yang menuntut di kolej komuniti terdiri daripada pelbagai golongan memandangkan sifat kolej komuniti yang terbuka dan fleksibel serta objektif kolej komuniti untuk memberi peluang pembelajaran kepada semua lapisan masyarakat. Oleh yang demikian, penuntut kolej komuniti terdiri daripada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pekerja industri, komuniti setempat, suri rumah, pelajar universiti atau pelajar sekolah dan sesiapa sahaja bergantung kepada matlamat dan tujuan mereka menyertai kolej komuniti. Walau bagaimanapun kajian ini tertumpu kepada pelajar sepenuh masa atau lepasan SPM yang mengikuti program sijil atau Diploma di kolej komuniti.

Sehingga Mac 2015, seramai 18,432 orang pelajar sepenuh masa menuntut di kolej komuniti. Mereka terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Majoriti daripada mereka adalah belia, iaitu 96.5 peratus daripada jumlah pelajar mendaftar. Jadual 1.1 menunjukkan bilangan pelajar kolej komuniti mengikut umur. Jadual tersebut menunjukkan belia merupakan golongan yang mendominasi pengajian di kolej komuniti. Walaupun mereka adalah golongan tercacir di peringkat sekolah menengah, ini tidak bermakna mereka akan tercacir selama-lamanya. Peranan kolej komuniti adalah untuk memberi peluang kepada golongan belia untuk menyerlahkan bakat yang mereka ada untuk digunakan pada masa hadapan, malah dengan bakat inilah menyerlahkan lagi kekuatan yang ada dalam diri untuk terus membangun dan berjaya pada masa hadapan.

**Jadual 1.1 : Bilangan pelajar kolej komuniti mengikut umur**

<b>Umur (Tahun)</b>	<b>Bilangan Pelajar</b>	<b>Peratus (%)</b>
15 - 20	15,897	86
21 - 25	1,773	10
26 - 30	91	0.5
31 - 35	32	0.2
36 - 40	298	1.5
41 tahun ke atas	329	1.7
Lain-lain	12	0.1
<b>Jumlah</b>	<b>18,432</b>	<b>100</b>

### **Permasalahan Kajian**

Persepsi negatif masyarakat awam terhadap bidang teknikal dan vokasional (TVET) di Malaysia masih wujud walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak bertanggungjawab (Mustapha, 2017; Husin, Muhammad, Hasan & Omar, 2017; Alavi, Sail & Awang, 2013). Masyarakat memandang bidang ini hanya layak disertai oleh pelajar yang tercicir dalam bidang akademik (Buntat et al., 2017; Ismail & Abidin, 2014) serta tidak layak melanjutkan pengajian ke universiti. Kolej komuniti merupakan antara institusi yang menawarkan bidang TVET dengan memberi peluang kepada pelajar lepasan menengah untuk melanjutkan pengajian di peringkat tertiar walaupun mereka tidak mempunyai keputusan yang cemerlang dalam bidang akademik (Jusoh, 2017; Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 2012). Kelemahan pelajar dalam bidang akademik ini tidak perlu dijadikan keutamaan, sebaliknya kekuatan, kelebihan dan bakat yang dimiliki yang perlu diketengahkan (Lerner, 2015; Shek & Merrick, 2015; Benson et al., 2012; Scales, 2011; Larson, 2006). Kajian lepas menunjukkan pendekatan pembangunan belia positif merupakan pendekatan berasaskan teori yang tidak mengutamakan defisit belia, malah mengutamakan potensi, bakat dan kemahiran yang belia miliki (Tolan et al., 2016). Hasrat pelan pendidikan Pengajian Tinggi (2015) yang ingin melahirkan belia yang mempunyai minda kelas pertama yang holistik, beretika dan berkualiti menjadikan pendekatan pembangunan belia positif (Dasar Belia Malaysia, 2015) ini relevan dijadikan panduan dalam pembangunan pelajar kolej komuniti.

Kajian pembangunan belia menyatakan, potensi yang dimiliki oleh belia adalah disebabkan oleh hasil hubungan yang wujud dan saling berpengaruh antara individu yang membangun dengan komponen kontekstual termasuklah ibu bapa, rakan sebaya, institusi dan sebagainya (Lerner, 2015; Geldhof et al., 2014; Lerner et al., 2005; Roth & Brooks-Gunn, 2003a). Hasil kajian lepas menunjukkan ibu bapa merupakan individu yang boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang individu (Hamzah et al., 2014; Krauss et al., 2014; Lee, 2006; Collins & Laursen, 2004). Ini diikuti oleh rakan sebaya yang juga memberi impak terhadap pembangunan seseorang belia selepas ibu bapa (Hamzah et al., 2014; Collins & Laursen, 2004; Renn & Arnold, 2003; Kuh 1995). Selain itu, sekolah/institusi juga merupakan agen sosial dan jalinan dengan institusi berperanan dalam menggalakkan pembangunan belia positif (Castro-Schilo et



al., 2016; Lee & Lok, 2012; Catalano et al., 2004). Ketiga-tiga komponen ini amat penting untuk dikaji sejauh mana ia mampu membangunkan potensi belia memandangkan belia sentiasa membangun secara semula jadi (Lerner, 2011; Hamilton, 1999).

Di samping itu, kajian menunjukkan agama dan spiritual adalah elemen yang penting dalam pembangunan belia (Shek & Ho, 2016; Krauss et al., 2014; Smith & Denton, 2009; Lerner, Roeser & Phelps, 2008; Krauss et al., 2006) memandangkan belia berada dalam fasa krisis, tekanan dan keliru dengan identiti mereka (Steinberg, 2010; Lerner & Steinberg 2009; Freud, 1969; Erikson, 1968; Hall, 1904). Terkini, kajian membuktikan religiositi sebagai mediator (Barton et al., 2014) antara hubungan religiositi ibu bapa dengan impak pembangunan belia. Manakala religiositi juga bertindak sebagai mediator separa (Adnan et al., 2017) antara hubungan personaliti dengan tingkah laku kerja muslim. Walau bagaimanapun kajian terhadap religiositi sebagai mediator di antara hubungan keakraban dengan ibu bapa, keakraban dengan rakan sebaya dan jalinan sosial institusi terhadap pembangunan belia positif masih belum diterokai sepenuhnya terutama dalam kalangan pelajar kolej komuniti. Pelajar kolej komuniti yang dilabel sebagai belia yang tercicir memerlukan model dan panduan yang eksklusif bagi menyerlahkan potensi sebenar dalam diri mereka berbanding defisit yang ada.

Faktor sosial yang terdiri daripada keakraban dengan ibu bapa, keakraban dengan rakan sebaya, jalinan sosial institusi dan religiositi merupakan komponen yang perlu diberi tumpuan dalam pembangunan seseorang individu belia terutama belia di kolej komuniti. Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan termasuklah apakah tahap pembangunan belia positif dan tahap keempat-empat faktor sosial yang difokuskan? Di samping itu, kajian ini juga ingin menguji adakah terdapat hubungan dan pengaruh antara semua faktor sosial dengan pembangunan belia positif dalam kalangan pelajar? Seterusnya, kajian ini juga akan menguji adakah religiositi merupakan mediator terhadap faktor sosial dan pembangunan belia positif melalui Model Persamaan Berstruktur yang akan menguji kesemua faktor ini secara serentak? Seterusnya adakah model yang dibina ini mampu mengisi kekurangan kajian pembangunan belia dalam kalangan pelajar kolej komuniti serta faktor sosial yang mempengaruhi pembangunan mereka? Selain daripada itu, kajian ini juga mampu mengisi jurang pendidikan pengembangan memandangkan peranan kolej komuniti sebagai agen sosial yang mampu mengubah lanskap hubungan sosial antara belia serta aset kontekstualnya.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menentukan pengaruh keakraban dengan ibu bapa, keakraban dengan rakan sebaya dan jalinan sosial institusi terhadap pembangunan belia positif dalam kalangan pelajar kolej komuniti di Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk menentukan peranan religiositi sebagai mediator dalam pembangunan pelajar kolej komuniti.

## Objektif Khusus

Objektif khusus kajian adalah untuk :

1. Menentukan tahap pembangunan belia positif dalam kalangan pelajar kolej komuniti di Malaysia.
2. Menentukan tahap keakraban dengan ibu bapa, keakraban dengan rakan sebaya, jalinan sosial institusi dan religiositi dalam kalangan pelajar kolej komuniti di Malaysia.
3. Menentukan hubungan keakraban dengan ibu bapa, keakraban dengan rakan sebaya, jalinan sosial institusi dan religiositi dengan pembangunan belia positif dalam kalangan pelajar kolej komuniti di Malaysia.
4. Menentukan pengaruh keakraban dengan ibu bapa, keakraban dengan rakan sebaya dan jalinan sosial institusi terhadap pembangunan belia positif dalam kalangan pelajar kolej komuniti di Malaysia.
5. Menentukan religiositi sebagai mediator terhadap hubungan antara Keakraban dengan ibu bapa, keakraban dengan rakan sebaya dan jalinan sosial institusi dengan pembangunan belia positif dalam kalangan pelajar kolej komuniti di Malaysia.

## Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian dinyatakan untuk menjawab objektif kajian. Teori Ekologi Pembangunan Manusia (Bronfenbrenner, 1979) yang mendasari kajian ini disusuli oleh Teori Sains Pembangunan (Lerner et al., 2005), Teori Keakraban dengan ibu bapa dan Keakraban dengan rakan sebaya (Bowlby, 1982; 1988) serta Teori Ikatan Sosial (Hirschi, 1969) dan penemuan kajian terdahulu merupakan rujukan dan kerangka utama pembentukan hipotesis kajian ini. Sepuluh hipotesis dirangka untuk diuji seperti yang berikut :

**Hipotesis 1 :** Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara keakraban dengan ibu bapa dengan pembangunan belia positif.

**Hipotesis 2 :** Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara keakraban dengan rakan sebaya dengan pembangunan belia positif.

**Hipotesis 3 :** Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara jalinan sosial institusi dengan pembangunan belia positif.

**Hipotesis 4 :** Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara religiositi dengan pembangunan belia positif.

**Hipotesis 5 :** Keakraban dengan ibu bapa mempengaruhi pembangunan belia positif.

**Hipotesis 6 :** Keakraban dengan rakan sebaya mempengaruhi pembangunan belia positif.

**Hipotesis 7 :** Jalinan sosial institusi mempengaruhi pembangunan belia positif.

**Hipotesis 8 :** Religiositi merupakan mediator antara keakraban dengan ibu bapa dengan pembangunan belia positif.

**Hipotesis 9 :** Religiositi merupakan mediator antara keakraban dengan rakan sebaya dengan pembangunan belia positif.

**Hipotesis 10 :** Religiositi merupakan mediator antara jalinan sosial institusi dengan pembangunan belia positif.

### **Kepentingan Kajian**

#### **Sumbangan kepada Teori**

Kajian ini akan menyumbang kepada teori sains pembangunan manusia serta perancangan, proses dan pelaksanaan pembangunan belia positif terhadap pembangunan belia di Malaysia melalui pengukuhan terhadap hubungan keakraban dengan ibu bapa, keakraban dengan rakan sebaya dan jalinan sosial institusi yang merupakan komponen kontekstual yang bersifat dwiarah dengan individu belia. Teori-teori lain juga dapat dibuktikan kekukuhannya melalui kajian terhadap pembangunan belia di Malaysia seperti teori keakraban, teori ikatan sosial dan sebagainya. Di samping itu, kajian mengenai peranan nilai agama sebagai mediator terhadap pembangunan belia positif dapat memberi implikasi terhadap kajian dalam pembangunan agama/ spiritual yang perlu diteroka secara lebih mendalam untuk menjamin perkembangan pembangunan seseorang individu belia yang lebih mendalam dan menyeluruh.

#### **Sumbangan kepada Amalan**

Kajian ini dapat memberi sumbangan kepada bidang pembangunan belia terutamanya belia yang menuntut di institusi kemahiran di Malaysia juga pelbagai golongan belia sebagaimana yang disenaraikan dalam Dasar Belia Malaysia. Selain itu, kajian ini juga dapat memberi sumbangan kepada kementerian yang berkaitan (Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat dan sebagainya), jabatan dan istitusi yang terlibat untuk bertindak dan menyediakan program-program yang sesuai dengan keperluan belia supaya mereka membangun dengan positif.

Sumbangan maklumat keakraban dengan ibu bapa, keakraban dengan rakan sebaya, jalinan sosial institusi, serta religiositi belia boleh dijadikan panduan kepada kementerian, jabatan dan institusi dalam memahami pengaruh komponen-komponen ini terhadap pembangunan belia di Malaysia termasuklah merancang, melaksana dan menyelia program yang berkaitan yang mampu membangunkan belia.

### **Sumbangan kepada Pembentukan Dasar**

Dapatan kajian ini sangat penting sebagai maklumat kepada pihak berkepentingan untuk memahami, menghargai dan memperkenalkan dasar baru terhadap pembangunan pelajar di kolej komuniti serta pelajar yang menceburi bidang teknikal dan vokasional yang lain. Memandangkan mereka merupakan aset negara yang sangat berharga, pihak berkepentingan perlu mengisi keperluan mereka dengan sesuatu yang boleh memberi pulangan positif kepada negara, diri dan keluarga mereka.

Selain itu, kajian ini penting kepada penggubal kurikulum untuk mengetahui tahap kecenderungan belia di kolej komuniti. Keperluan memahami kehendak mereka adalah penting untuk memastikan kurikulum yang dibina dapat diikuti dan dihayati sepanjang pengajian. Pendekatan pembangunan belia positif sangat menarik kerana memfokuskan kepada pembangunan positif remaja atau belia tersebut dan tidak kepada risiko atau kekurangan dalam diri mereka. Pendekatan ini amat bersesuaian dengan pelajar kolej komuniti kerana kekurangan mereka dalam bidang akademik tidak akan diutamakan, malah penekanan terhadap kekuatan dan pembangunan positif yang ada dalam diri mereka dapat diserlahkan.

Kaedah ini amat perlu diberi penekanan kepada pelajar di kolej komuniti bagi memenuhi aspirasi jabatan dan kementerian untuk melahirkan pelajar yang holistik dan seimbang dari segi akademik dan sahsiah. Selaras dengan teras kedua Misi Nasional, negara perlu melahirkan modal insan yang memiliki minda kelas pertama untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi yang berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi. Modal insan yang dibangunkan perlu mempunyai keupayaan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang unggul (Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, 2007).

### **Limitasi Kajian**

Kajian ini dilimitasi kepada faktor keakraban dengan ibu bapa, keakraban dengan rakan sebaya, jalinan sosial institusi dan religiositi terhadap pembangunan belia positif dalam kalangan pelajar kolej komuniti. Terdapat pelbagai faktor dalam pembangunan belia positif seperti persekitaran, politik, ekonomi, perundangan dan sebagainya. Namun, penyelidik hanya mengambil

kira faktor ekologi sosial yang paling hampir sahaja atas keterbatasan keupayaan, masa dan ruang.

Kajian ini juga hanya melibatkan pelajar kolej komuniti di Malaysia memandangkan kajian terhadap kolej komuniti amnya dan pelajar kolej komuniti khususnya masih terhad di negara ini. Penubuhan kolej komuniti yang baru menjangkau 15 tahun menyebabkan limitasi terhadap rujukan mengenai institusi ini. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif memandangkan responden melibatkan pelajar di seluruh Malaysia yang hampir menjangkau 13,000 orang dan enrolmen seramai 18,000 orang pelajar (KITKK, 2015).

Pemilihan kolej komuniti adalah berdasarkan kepada pengklusteran lima wilayah dari seluruh semenanjung dan Borneo, Malaysia. Hanya dua buah kolej dipilih di setiap wilayah berbanding 89 buah kolej komuniti di seluruh negara. Kajian ini dibataskan kepada pelajar di kolej komuniti yang berada di semester dua atau tiga sahaja memandangkan mereka telah melalui dan berpengalaman dengan sistem pengajian di kolej komuniti. Walau bagaimanapun penyelidik tidak mengehadikan responden daripada program tertentu apabila terdapat 39 program sijil dan 16 program diploma di kolej komuniti (KITKK, 2015). Ini adalah kerana semua pelajar sepenuh masa di kolej komuniti merupakan belia yang sedang dibangunkan dan berpotensi untuk menjadi belia yang positif dan berkembang maju (Benson & Scales, 2009; 2011). Penyelidik hanya memfokuskan kajian di kolej komuniti sahaja dan tidak melibatkan institusi lain di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi atau kementerian lain memandangkan kajian di kolej komuniti masih terbatas dan perlu dikembangkan.

## **Definisi Operasional**

### **Pembangunan Belia Positif**

Pada dasarnya pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan pembangunan belia positif yang ditakrifkan secara terus daripada pendekatan/model *Positive Youth Development* (PYD). Pendekatan yang menekankan kekuatan seseorang individu belia melebihi defisit yang ada. Belia yang berupaya menyerlahkan potensi dan atribut diri melalui 5C (*Competence, Confidence, Connection, Character, Caring & Compassion*) merupakan belia yang menjadi sumber yang boleh dibangunkan dan sentiasa terserlah potensinya. Dalam kajian ini, pembangunan belia positif diukur melalui domain kompetensi (*Competence*), Keyakinan (*Confidence*), Berhubungan (*Connection*), Karakter (*Character*), dan Prihatin dan belas kasihan (*Caring and Compassion*). Soal selidik yang digunakan untuk mengukur pembangunan belia positif ialah inventori *The-Bridge PYD* oleh Lopez, Yoder, Brisson, Lechuga-Pena & Jensen, (2014).

## **Keakraban dengan Ibu Bapa**

Keakraban dengan ibu bapa merupakan ikatan secara biologi, psikologi dan emosi yang terbina sejak seseorang itu dilahirkan. Keakraban yang dibina secara positif akan membentuk tingkah laku dan nilai kepercayaan yang positif manakala ikatan yang dibina secara negatif akan membentuk tingkah laku dan kesan yang negatif. Ikatan yang positif akan wujud di antara anak-anak dengan ibu bapa apabila mereka saling berkomunikasi dengan baik dan lama-kelamaan elemen kepercayaan akan terbina antara mereka. Oleh yang demikian, dimensi keakraban dengan ibu bapa dalam kajian ini diukur melalui domain komunikasi dan kepercayaan berdasarkan inventori Keakraban dengan Ibu Bapa (IPPA) oleh Armsden dan Greenberg (1987).

## **Keakraban dengan Rakan Sebaya**

Keakraban dengan rakan sebaya merupakan hubungan yang wujud selepas hubungan dengan ibu bapa, adik beradik dan keluarga sebagai memenuhi keperluan sosialisasi individu. Keakraban dengan rakan sebaya boleh berlaku secara positif atau negatif seiring dengan peningkatan usia. Keakraban dengan rakan sebaya melalui komunikasi yang positif akan membina kepercayaan yang positif dalam hubungan. Manakala komunikasi yang negatif akan memberi kesan sebaliknya. Oleh yang demikian, hubungan keakraban dengan rakan sebaya diukur melalui dimensi komunikasi dan kepercayaan yang diadaptasi daripada inventori Keakraban dengan Rakan Sebaya (IPPA) oleh Armsden dan Greenberg (1987).

## **Jalanan Sosial Institusi**

Jalanan sosial institusi merupakan hubungan sosial yang wujud antara pelajar dengan institusi melalui komitmen, keakraban, penglibatan dan kepercayaan. Apabila pelajar komited, akrab, terlibat dan percaya dengan undang-undang di institusi, maka potensi, bakat dan kekuatan diri mereka akan terserlah dan pada masa yang sama, mereka tidak akan mudah terlibat dengan aktiviti delikueni. Hubungan sosial yang terjalin di antara pelajar dan institusi ini diukur menggunakan inventori *School Delinquency and the School Social Bond* yang dibina oleh Jenkins (1997).

## **Religiositi**

Religiositi merupakan cara hidup yang meletakkan agama sebagai panduan dalam kehidupan seharian. Amalan hidup beragama bagi seseorang pelajar yang berada pada tahap belia amat penting memandangkan peralihan umur dari kanak-kanak ke alam dewasa sangat mencabar dan pelajar terdedah dengan

pelbagai risiko dan tingkah laku negatif sama ada secara sedar atau tidak. Oleh yang demikian, amalan hidup beragama perlu diterapkan dalam diri pelajar sejak dari awal dan berterusan sepanjang pembangunan mereka supaya mereka tidak akan mudah tergelincir, malah akan terus kuat dan kukuh membangun sebagai seorang pelajar yang positif dan holistik yang boleh memberi manfaat kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Dimensi religiositi dilihat dari aspek tingkah laku prososial dan amalan ritual yang merupakan praktis bagi seseorang yang mengamalkan ajaran agamanya dalam kehidupan. Untuk mengenal pasti amalan hidup beragama, soal selidik inventori Religiositi Universal dan Personaliti (URPI) oleh Krauss, Hamzah dan Idris (2007) telah diadaptasi dan digunakan dalam kajian ini.

### **Rumusan**

Bab satu membincangkan konteks dan latar belakang belia dan peranannya terhadap pembangunan diri serta komponen kontekstual biologi, psikologi dan sosiologi mereka. Seterusnya, pembangunan pelajar di Malaysia juga dibincangkan termasuk aspek teoritikal, serta kajian-kajian lepas sebagai panduan dalam memastikan pembangunan belia di Malaysia dapat direalisasi berlandaskan bukti dan penemuan yang dapat menjamin pembangunan mereka secara positif dan berdaya maju. Skop dan limitasi yang memfokuskan kajian terhadap belia yang sedang menuntut di peringkat tertiar, iaitu belia kolej komuniti di Malaysia. Faktor peramal pembangunan belia positif pelajar di kolej komuniti khususnya termasuklah keakraban dengan ibu bapa, keakraban dengan rakan sebaya, jalinan sosial institusi dan religiositi juga dibincangkan.

## RUJUKAN

- Abd. Hamid, M. A., Othman, M. F., Hassan, Z & A. Kassim, O. *Pendidikan Bukan Formal (Pbf) Di Malaysia: Cabaran Dan Hala Tuju Wawasan 2020*. Paper presented In: Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan, Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru. 19-21 October 2003 (Unpublished).
- Abdullah, C. H. (2013). Pembinaan tamadun Islam seimbang melalui psikologi Islam (Development of balanced Islamic civilization through Islamic psychology). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 5(1), 199-213.
- Abdullah, H., Suandi, T., Sidek, A. H., Gill, S. S., Ahmad, N., & Dahalan, D. (2009). *Belia Sebagai Modal Insan dan Rakan Pembangunan Masyarakat dan Negara*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abdullah, N. S. N., Maamor, S., Abd. Wahab, N. (2015). Pembangunan belia dari perspektif pengurusan Islam. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(2), 61–76.
- Acharya, A. S., Prakash, A., Saxena, P., & Nigam, A. (2013). Sampling: Why and how of it. *Indian Journal of Medical Specialties*, 4(2), 330-333.
- Achoui, M. (1998). Human nature from a comparative psychological perspective. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 15(4), 71.
- Adnan, A. A. Z., Mastor, K. A., Kasan, H., & Hamzah, F. M. (2017). Religiositi sebagai faktor mediasi tingkah laku kerja muslim (Religiosity as a mediation factor of muslim work behavior). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 9(1), 141-156.
- Agans, J. P., Champine, R. B., DeSouza, L. M., Mueller, M. K., Johnson, S. K., & Lerner, R. M. (2014). Activity involvement as an ecological asset: Profiles of participation and youth outcomes. *Journal of Youth and Adolescence*, 43(6), 919-932. doi: 10.1007/s10964-014-0091-1.
- Ainsworth, M. D. S. (1969). Object relations, dependency, and attachment: A theoretical review of the infant-mother relationship. *Child Development*, 40(4), 969-1025. doi: 10.2307/1127008.
- Ainsworth, M. D. S. (1972). Attachment and dependency: A comparison. In J. L. Gewirtz, *Attachment and dependency*. Oxford, England: V. H. Winston.
- Ainsworth, M. D. S. (1989). Attachments beyond infancy. *American Psychologist*, 44(4), 709-716. doi: 10.1037/0003-066X.44.4.709.
- Ainsworth, M. D. S., & Bowlby, J. (1991). An ethological approach to personality development. *American Psychologist*, 46(4), 333-341.



- Ainsworth, M. D. S., Blehar, M. C., Waters, E., & Wall, S. N. (2015). *Patterns of Attachment: A Psychological Study of the Strange Situation*. New York: Psychology Press.
- Al Ghazali (2015). *Akhlaq Seorang Muslim*, Terjemahan oleh Abu Laila & Mohd Tahir. Kuala Lumpur: Victory Agencies.
- Al Ghazali, A. H. M. (1993). *Ihya 'Ulum al-Din (Vol. 3)*, Translated by Fazl-UI-Karim. Karachi: Darul-Ishaat.
- Alavi, K., Ibrahim, F., Mohamad, M. S., Sulaiman, W. S. W., Nen, S., & Sarnon, N. (2013). Tahap Pengetahuan Agama dalam kalangan Banduan Parol: ke arah Pembentukan Akhlak Sejahtera. *e-Bangi Journal Social Science and Humanities*, 8(2), 1-10.
- Alavi, K., Sail, R. M., & Awang, A. H. (2013). Image of technical education and vocational training from the perspective of parents and teachers. *Journal of Technical Education and Training*, 5(1), 68-88.
- Alberts, A. E., Christiansen, E. D., Chase, P., Naudeau, S., Phelps, E., & Lerner, R. M. (2006). Qualitative and quantitative assessments of thriving and contribution in early adolescence: Findings from the 4-H Study of Positive Youth Development. *Journal of Youth Development*, 1(2), 20-32.
- Amla, S., Zahara, A., Zuria, M., & Abd. Azi,z M. (2010). Peranan bapa dalam pembangunan sahsiah remaja dan implikasinya terhadap nilai kekeluargaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2), 9-17.
- Amodeo, M., & Collins, M. E. (2007). Using a positive youth development approach in addressing problem-oriented youth behavior. *Families in Society: The Journal of Contemporary Social Services*, 88(1), 75-85. doi: 10.1606/1044-3894.3594.
- Ansell, N. (2016). *Children, Youth and Development*. New York: Routledge.
- Armsden, G. C., & Greenberg, M. T. (1987). The inventory of parent and peer attachment: Individual differences and their relationship to psychological well-being in adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 16(5), 427-454.
- Arnett, J. J. (2000). Emerging adulthood: A theory of development from the late teens through the twenties. *American Psychologist*, 55(5), 469-480.
- Ary, D., Jacobs. L. C., & Sorensen, C. (2010). *Introduction to Research in Education (8th ed)*. California: Wadsworth.
- Awang, A. H., Alavi, K., & Ismail, I. A. (2011). Image and student's loyalty towards technical and vocational education and training. *Journal of Technical Education and Training*, 3(1), 1-16.

- Awang, Z. (2015). *SEM Made Simple: A Gentle Approach to Learning Structural Equation Modelling*. Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Publication.
- Azis, M. I. (2011). *Pertautan Ibu Bapa dan Rakan Sebaya dalam Kalangan Pelajar Universiti serta Hubungannya dengan Yakin Diri dan Eksplorasi Diri*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Badri, M. (2000). *Contemplation: An Islamic Psychospiritual Study*. London: Human Behaviour Academy Ltd.
- Bahagian Pembangunan Pelajar, JPKK (2016). Data Pengambilan Pelajar Kolej Komuniti. Muat turun 23 Jun 2016 daripada [hidayahkhalid@mohe.gov.my](mailto:hidayahkhalid@mohe.gov.my)
- Baltes, P. B. (1979). Life-span developmental psychology: Some converging observations on history and theory. *Life-Span Development and Behavior*, 2, 256-279.
- Baltes, P.B., & Schaie, K. (1973). Life-Span Developmental Research: Retrospects and Prospect. In Baltes, P.B., & Schaie, K.(Eds), *Lifespan Developmental Psychology: Personality and Socialization* (pp.365-395) Orlando, Florida: Academic Press Inc.
- Bandura, A. & Walters, R. (1959). *Adolescent Agression*. New York: Ronald Press.
- Bandura, A. (1986). The explanatory and predictive scope of self-efficacy theory. *Journal of Social and Clinical Psychology*, 4(3), 359-373. doi: 10.1521/jscp.1986.4.3.359
- Barkin, S. H., Miller, L., & Luthar, S. S. (2015). Filling the void: Spiritual development among adolescents of the affluent. *Journal of Religion and Health*, 54(3), 844-861. doi: 10.1007/s10943-015-0048-z.pdf.
- Barlett, J. E., Kotrlik, J. W., & Higgins, C. C. (2001). Organizational research: Determining appropriate sample size in survey research. *Information Technology, Learning, and Performance Journal*, 19(1), 43-50.
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator–mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic, and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51(6), 1173-1182.
- Barrett, J. B., Pearson, J., Muller, C., & Frank, K. A. (2007). Adolescent religiosity and school contexts. *Social Science Quarterly*, 88(4), 1024-1037. doi: 10.1111/j.1540-6237.2007.00516.x.

- Barton, A. L., Snider, J. B., Vazsonyi, A. T., & Cox, J. L. (2012). Adolescent religiosity as a mediator of the relationship between parental religiosity and adolescent health outcomes. *Journal of Religion and Health, 53*(1), 86-94. doi: 10.1007/s10943-012-9596-7.
- Benson, M. J., McWey, L. M., & Ross, J. J. (2006). Parental attachment and peer relations in adolescence: A meta-analysis. *Research in Human Development, 3*(1), 33-43. doi: 10.1207/s15427617rhd0301\_4.
- Benson, P. L. (2004). Emerging themes in research on adolescent spiritual and religious development. *Applied Developmental Science, 8*(1), 47-50.
- Benson, P. L. (2007). Developmental assets: An overview of theory, research, and practice. In R.K Silbereisen & R.M Lerner (Eds), *Approaches to Positive Youth Development* (pp 33-58). London: Sage Publication.
- Benson, P. L., & C. Scales, P. (2009). The definition and preliminary measurement of thriving in adolescence. *The Journal of Positive Psychology, 4*(1), 85-104. doi: 10.1080/17439760802399240.
- Benson, P. L., & Scales, P. C. (2011). Developmental assets. In R. J. R. Levesque (Ed.), *Encyclopedia of Adolescence* (pp. 667–683). New York: Springer. doi: 10.1007/978-1-4419-1695-2\_200.
- Benson, P. L., Leffert, N., Scales, P. C., & Blyth, D. A. (2012). Beyond the “village” rhetoric: Creating healthy communities for children and adolescents. *Applied Developmental Science, 16*(1), 3-23. doi: 10.1080/10888691.2012.642771.
- Benson, P. L., Roehlkepartain, E. C., & Rude, S. P. (2003). Spiritual development in childhood and adolescence: Toward a field of inquiry. *Applied developmental science, 7*(3), 205-213.
- Benson, P. L., Scales, P. C., & Syvertsen, A. K. (2011). The contribution of the developmental assets framework to positive youth development theory and practice. *Advances In Child Development and Behavior, 41*, 197-230. doi:10.1016/B978-0-12-386492-5.00008-7.
- Benson, P. L., Scales, P. C., Hamilton, S. F., & Sesma, A. (2006). Positive Youth Development: Theory, Research, and Applications. In W. Damon & R.M. Lerner (Ed.), *Handbook of Child Psychology* (6th ed., Vol. 1, pp. 894–941) New York: John Wiley & Sons, Inc. doi: 10.1002/9780470147658.chpsy0116.
- Benson, P.L. (2008). *Sparks: How Parents Can Help Ignite The Hidden Strengths of Teenagers*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Bentler, P. M., & Bonett, D. G. (1980). Significance tests and goodness of fit in the analysis of covariance structures. *Psychological Bulletin, 88*(3), 588-606.

- Blum, R.W. (2003). Positive Youth Development: A Strategy for Improving Health. In F. Jacobs, D. Wertlieb, & R.M. Lerner (Eds.), *Handbook Of Applied Developmental Science* (pp. 237-252). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Bowers, E. P., Geldhof, G. J., Johnson, S. K., Lerner, J. V., & Lerner, R. M. (2014). Special issue introduction: Thriving across the adolescent years: A view of the issues. *Journal of Youth and Adolescence*, *43*(6), 859-868. doi: 10.1007/s10964-014-0117-8.
- Bowers, E. P., Li, Y., Kiely, M. K., Brittian, A., Lerner, J. V., & Lerner, R. M. (2010). The five Cs model of positive youth development: A longitudinal analysis of confirmatory factor structure and measurement invariance. *Journal of Youth and Adolescence*, *39*(7), 720-735. doi: 10.1177/0165025416645668.
- Bowlby, J. (1982). Attachment and loss: Retrospect and prospect. *American Journal of Orthopsychiatry*, *52*(4), 664-678.
- Bowlby, J. (1988). *A Secure Base Parent-Child Attachment and Healthy Human Development*. London: Routledge.
- Brandtstädter, J. (1999). The self in action and development. In Brandtstädter, J. & Lerner R.M, *Action and Self-Development: Theory and Research Through the LifeSpan* (pp.37-65). Thousand Oaks, California: Sage Publication Inc.
- Brody, G. H., Stoneman, Z., & Flor, D. (1996). Parental religiosity, family processes, and youth competence in rural, two-parent African American families. *Developmental Psychology*, *32*(4), 696-706.
- Bronfenbrenner U. (1994). Ecological models of human development. In Husen T., Postlethwaite T. N. (Eds.), *International Encyclopedia of Education* (Vol. 3, 2nd ed., pp. 1643–1647). Oxford, England: Pergamon/Elsevier.
- Bronfenbrenner, U. (1967). Response to pressure from peers versus adults among Soviet and American school children. *International Journal of Psychology*, *2*(3), 199-207. doi: 10.1080/00207596708247216.
- Bronfenbrenner, U. (1974). Developmental research, public policy, and the ecology of childhood. *Child Development*, *45*(1), 1-5. doi: 10.2307/1127743.
- Bronfenbrenner, U. (1977). Toward an experimental ecology of human development. *American Psychologist*, *32*(7), 513-531. doi: 10.1037/0003-066X.32.7.513.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

- Bronfenbrenner, U. (1986). Ecology of the family as a context for human development: Research perspectives. *Developmental Psychology*, 22(6), 723-742. doi: 10.1037/0012-1649.22.6.723.
- Bronfenbrenner, U. (1995). Developmental ecology through space and time: A future perspective. *Examining lives in context: Perspectives on the Ecology of Human Development*, 619(647), 10176-018.
- Bronfenbrenner, U. (1999). Environments in developmental perspective: Theoretical and operational models. *Measuring environment across the life span: Emerging Methods and Concepts*, 3(28), 37-43.
- Bronfenbrenner, U., & Ceci, S. J. (1994). Nature-nurture reconceptualized in developmental perspective: A bioecological model. *Psychological Review*, 101(4), 568-586.
- Bronstein, P. (1994). Patterns of parent-child interaction in Mexican families: A cross-cultural perspective. *International Journal of Behavioral Development*, 17(3), 423-446.
- Brown, A. T. (2006). *Confirmatory Factor Analysis for Applied Research*. New York: The Guilford Press.
- Brown, R., & Evans, W. P. (2002). Extracurricular activity and ethnicity creating greater school connection among diverse student populations. *Urban Education*, 37(1), 41-58.
- Buntat, Y., Sihes, A. J., Jabor, M., Hassan, W., Maziaty, W. N., & Ahmad, A. A. (2016). Transforming technical and vocational education and training education in Malaysia: Issues and challenges. *Advanced Science Letters*, 22(12), 4010-4013.
- Byrne, B. M. (2010). *Structural Equation Modeling With AMOS: Basic Concepts, Applications, and Programming*. New York: Routledge/Taylor & Francis Group.
- Castro-Schilo, L., Ferrer, E., Hernández, M. M., & Conger, R. D. (2016). Developmental outcomes of school attachment among students of Mexican origin. *Journal of Research on Adolescence*, 26(4), 753-768.
- Catalano, R F., Berglund, M.L., Ryan, J.A.M., Lonczak, H.S., & Hawkins, J.D. (1999). *Positive Youth Development In The United States: Research Findings on Evaluations of Positive Youth Development Programs*. Seattle: University of Washington, School of Social Work, Social Development Research Group.

- Catalano, R. F., Berglund, M. L., Ryan, J. A., Lonczak, H. S., & Hawkins, J. D. (2004). Positive youth development in the United States: Research findings on evaluations of positive youth development programs. *The Annals of The American Academy of Political and Social Science*, 591(1), 98-124. doi: 10.1177/0002716203260102.
- Catalano, R. F., Oesterle, S., Fleming, C. B., & Hawkins, J. D. (2004). The importance of bonding to school for healthy development: Findings from the Social Development Research Group. *Journal of School Health*, 74(7), 252-261.
- Catalano, R.P., Hawkins, J.D., Berglund, M.L., Pollard, J.A., & Arthur, M.W. (2002). Prevention science and positive youth development: Competitive or cooperative frameworks? *Journal of Adolescent Health*, 31, 230-239.
- Cemalcilar, Z. (2010). Schools as socialisation contexts: Understanding the impact of school climate factors on students' sense of school belonging. *Applied Psychology*, 59(2), 243-272. doi: 10.1111/j.1464-0597.2009.00389.x.
- Chan, M., Tsai, K. M., & Fuligni, A. J. (2015). Changes in religiosity across the transition to young adulthood. *Journal of Youth and Adolescence*, 44(8), 1555-1566.
- Chapman, D. W., & Carter, J. F. (1979). Translation procedures for the cross cultural use of measurement instruments. *Educational Evaluation and Policy Analysis*, 1(3), 71-76.
- Chuan, C. L. (2006). Sample size estimation using Krejcie and Morgan and Cohen statistical power analysis: A comparison. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 7, 78-86.
- Cochran, W.G. (1963). *Sampling Techniques*. New York: Wiley.
- Cohen, J., Cohen, P., West, S. G., & Aiken, L. S. (2003). *Applied Multiple Regression/Correlation Analysis For The Behavioral Sciences*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Methods In Education*. New York: Routledge.
- Coleman, J. S. (1988). Social capital in the creation of human capital. *American Journal of Sociology*, 94, S95-S120.
- Collins, W. A., & Laursen, B. (2004). Parent-Adolescent Relationships and Influences. In R. M. Lerner & L. D. Steinberg (Eds.), *Handbook of Adolescent Psychology* (2nd ed., pp. 331-362). New York: John Wiley.

- Condry, J., & Simon, M. L. (1974). Characteristics of peer-and adult-oriented children. *Journal of Marriage and the Family*, 36(3), 543-554.
- Creswell, J. W. (2013). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks, California: Sage publications.
- Cuervo, H., Barakat, N., & Turnbull, M. (2015). *Youth, Belonging and Transitions: Identifying Opportunities and Barriers for Indigenous Young People in Remote Communities*. Melbourne, Australia: Youth Research Centre University of Melbourne.
- Dahalan, D., Krauss, S. E., Hamzah, A., & Sulaiman, A. H. (2014). Pegangan agama dalam kalangan belia awal pelbagai kaum di Malaysia (Religious stand among multi-racial early youth in Malaysia). *Journal of Social Sciences and Humanities, e-Bangi*, 9(1), 117-130.
- Damon, W. (2004). What is Positive Youth Development? *The Annals of the American Academy of Political and Social Science*, 591(1), 13-24.
- Damon, W. (2008). *The Path to Purpose: Helping Our Children Find Their Calling in Life*. New York: Free Press.
- Damon, W., Menon, J., & Cotton Bronk, K. (2003). The development of purpose during adolescence. *Applied Developmental Science*, 7(3), 119-128. doi: 10.1207/S1532480XADS0703\_2.
- Darmawiredja, M. R., Hassan, M. S. H., Sail, R. M., & Shah, R. A. T. (1996). Feedback seeking practices of agricultural extension agents in West Java, Indonesia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 4(1), 41-54.
- Dasar Belia Malaysia, (2015). *Ringkasan Eksekutif: Dasar Belia Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Davis III, R. F., & Kiang, L. (2016). Religious identity, religious participation, and psychological well-being in Asian American adolescents. *Journal of youth and adolescence*, 45(3), 532-546.
- De Goede, I. H., Branje, S. J., & Meeus, W. H. (2009). Developmental changes in adolescents' perceptions of relationships with their parents. *Journal of Youth and Adolescence*, 38(1), 75-88.
- Debnam, K. J., Johnson, S. L., Waasdorp, T. E., & Bradshaw, C. P. (2014). Equity, connection, and engagement in the school context to promote positive youth development. *Journal of Research on Adolescence*, 24(3), 447-459. doi: 10.1111/jora.12083.
- Desmond, S. A., Morgan, K. H., & Kikuchi, G. (2010). Religious development: How (and why) does religiosity change from adolescence to young adulthood?. *Sociological Perspectives*, 53(2), 247-270.

- Donahue, M. J., & Benson, P. L. (1995). Religion and the well-being of adolescents. *Journal of Social Issues*, 51(2), 145-160. doi: 10.1111/j.1540-4560.1995.tb01328.x.
- Donlan, A. E., Lynch, A. D., & Lerner, R. M. (2015). Peer Relationships and Positive Youth Development. In R.J.R Levesque (Ed), *Promoting Positive Youth Development* (pp. 121-136). Bloomington: Springer International Publishing.
- Dowling, E. M., Gestsdottir, S., Anderson, P. M., Von Eye, A., Almerigi, J., & Lerner, R. M. (2004). Structural relations among spirituality, religiosity, and thriving in adolescence. *Applied Developmental Science*, 8(1), 7-16. doi: 10.1207/S1532480XADS0801\_2
- Eccles J. S. (2004). Schools, Academic Motivation, and Stage-Environment Fit. In R. M. Lerner & L. D. Steinberg (Eds.), *Handbook of Adolescent Psychology* (2nd ed., pp. 125-153). New York: John Wiley.
- Eccles, J. S., & Wigfield, A. (2002). Motivational beliefs, values, and goals. *Annual Review of Psychology*, 53(1),109-132. doi: 10.1146/annurev.psych.53.100901.135153.
- Eccles, J.S., & Gootman, J.A. (Eds.). (2002). *Community Programs to Promote Youth*. Washington, DC: National Academy.
- Eccles, J.S., & Roeser, R.W. (2009). Schools, academic motivation, and stage-environment fit..In R.M. Lerner & L. Steinberg (Eds). *Handbook of Adolescent Psychology: Vol. 1. Individual Bases of Adolescent Development*, (3rd ed., pp. 404-434). Hoboken, NJ: John Wiley & Sons.
- Elder, G.H, Jr. (1980). Adolescence in historical Perspective. In J. Adelson (Ed), *Handbook of Adolescent psychology*. New York: Wiley.
- Engels, R. C., Finkenauer, C., Meeus, W., & Deković, M. (2001). Parental attachment and adolescents' emotional adjustment: The associations with social skills and relational competence. *Journal of Counseling Psychology*, 48(4), 428-439.
- Erdem, Ş. (2017). Attachment to Parents and Resilience Among High School Students. *Journal of Positive Psychology & Wellbeing*, 1(1), 22-33.
- Erginoz, E., Alikasifoglu, M., Ercan, O., Uysal, O., Alp, Z., Ocak, S., Oktay Tanyildiz, G., Ekici, B., Yucel, I.K. & Albayrak Kaymak, D. (2015). The role of parental, school, and peer factors in adolescent bullying involvement: Results from the Turkish HBSC 2005/2006 study. *Asia Pacific Journal of Public Health*, 27(2). doi: 10.1177/1010539512473144.



- Erikson, E. (1959). Identity and the Life Cycle. *Psychological Issues*, 1, 1-171.
- Erikson, E. H. (1963). *Childhood and Society*. Grafton Street, London: Paladin Grafton Books.
- Erikson, E. H. (1964). *Insight and Responsibility*. New York: W. W. Norton & Company.
- Erikson, E. H. (1965). Youth: Fidelity and Diversity. In Erikson, E. H. (ed.), *The Challenge of Youth*. New York: Anchor Books.
- Erikson, E. H. (1994). *Identity and the Life Cycle*. New York: W.W. Norton & Company.
- Erikson, E.H. (1968). *Youth: Identity and Crisis*. New York: W.W.Norton & Company.
- Firth, R. (1961). *History and Traditions of Tikopia. Polynesian Society Memoir Number 33*. Wellington: The Polynesian Society.
- Fornell, C., & Larcker, D. F. (1981). Structural equation models with unobservable variables and measurement error: Algebra and statistics. *Journal of Marketing Research*, 18(3),382-388.
- Francis, L. J. (1997). The impact of personality and religion on attitude towards substance use among 13–15 year olds. *Drug and Alcohol Dependence*, 44(2), 95-103. doi: 10.1016/S0376-8716(96)01325-7
- Freud, A. (1958). Adolescence. *Psychoanalytic Study of the Child*, 13, 255-278
- Freud, A. (1969). Adolescence as a Developmental Disturbance. In G. Caplan & S. Lebovici (Eds.), *Adolescence* (pp. 5-10). New York: Basic Books.
- Freud, S. (1938). *An Outline of Psychoanalysis*. London: Hogarth Press.
- Friedenberg, E. (1959). *The Vanishing Adolescent*. Boston: Beacon Press.
- Fulgini, A. J., & Eccles, J. S. (1993). Perceived parent-child relationships and early adolescents' orientation toward peers. *Developmental Psychology*, 29(4), 622-632. doi: 10.1037/0012-1649.29.4.622.
- Fulgini, A. J., Eccles, J. S., Barber, B. L., & Clements, P. (2001). Early adolescent peer orientation and adjustment during high school. *Developmental Psychology*, 37(1), 28-36. doi: 10.1037/0012-1649.37.1.28.
- Furrow, J. L., King, P. E., & White, K. (2004). Religion and positive youth development: Identity, meaning, and prosocial concerns. *Applied Developmental Science*, 8(1), 17-26.

- Gay, L. R., Mills, G., & Airasian, P. W. (2009). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application (9<sup>th</sup> ed.)*. Upper Saddle Back, NJ: Merrill Prentice-Hall.
- Geldhof, G. J., Bowers, E. P., Boyd, M. J., Mueller, M. K., Napolitano, C. M., Schmid, K. L., Lerner, J.V., & Lerner, R. M. (2014). Creation of short and very short measures of the five Cs of positive youth development. *Journal of Research on Adolescence*, 24(1), 163-176. doi: 10.1111/jora.12039.
- George, D., & Mallery, M. (2003). *Using SPSS for Windows Step by Step: A Simple Guide and Reference*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Gestsdottir, S., & Lerner, R.M. (2008). Positive development in adolescence: The development and role of intentional self-regulation. *Human Development*, 51, 202-224
- Gestsdóttir, S., Urban, J. B., Bowers, E. P., Lerner, J. V., & Lerner, R. M. (2011). Intentional self-regulation, ecological assets, and thriving in adolescence: A developmental systems model. *New Directions for Child and Adolescent Development*, 133, 61-76. doi: 10.1002/cd.304.
- Ginwright, S., & James, T. (2002). From assets to agents of change: Social justice, organizing, and youth development. *New Directions for Student Leadership*, 96, 27-46. doi: 10.1002/lyd.25.
- Gomez, B. J., & Ang, P. M. M. (2007). Promoting positive youth development in schools. *Theory in to Practice*, 46(2), 97-104. doi: 10.1080/00405840701232752.
- Gooden, A. S., & McMahon, S. D. (2016). Thriving among African-American adolescents: Religiosity, religious support, and communalism. *American Journal of Community Psychology*, 57(1-2), 118-128.
- Gullone, E., & Robinson, K. (2005). The inventory of parent and peer attachment—Revised (IPPA-R) for children: A psychometric investigation. *Clinical Psychology & Psychotherapy*, 12(1), 67-79. doi: 10.1002/cpp.433.
- Hair, J. F. J., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis Seventh Edition*. New Jersey: Pearson Education Limited.
- Hair, J. F. J., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Tatham, R.L. (2006). *Multivariate Data Analysis Sixth Edition*. New Jersey: Pearson Education Limited.

- Hall, G. S. (1904). *Adolescence: Its Psychology and its Relations to Physiology, Antropology, Sociology, Sex. Crime, Religion, and Education* (Volume 1 & 2). New York: Appleton.
- Hamburg, D. A. (1992). *Today's Children: Creating a Future for a Generation in Crisis*. New York. *Time Life*.
- Hamburg, D. A., & Takanishi, R. (1996). Great transitions: preparing American youth for the 21st century—the role of research. *Journal of Research on Adolescence*, 6(4), 379-96.
- Hamilton, S. F. (1994). Employment Prospects as Motivation for School Achievement: Links and Gaps Between School and Work in Seven Countries. In F.K. Silbereisen & E. Todt (Eds.), *Adolescence in Context: The Interplay of Family, School, Peers, and Work in Adjustment* (pp.267-303). New York: Springer.
- Hamilton, S. F. (1999). *A Three-Part Definition Of Youth Development*. (Unpublished manuscript). Cornell University College of Human Ecology, Ithaca, NY.
- Hamilton, S. F., & Hamilton, M.A. (2009). The Transition to Adulthood: Challenges of Poverty and Structural Lag. In R.M. Lerner & L. Steinberg (Eds.), *Handbook of Adolescent Psychology: Vol. 2. Contextual Influences on Adolescent Development*, (3rd ed., pp. 492-526). Hoboken, NJ: John Wiley & Sons, Inc. doi: 10.1002/9780470479193.adlpsy002015.
- Hamzah, A. (1994). Pendidikan berterusan. *Majalah Pengembangan*, 17(2), Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Hamzah, A., Krauss, S. E., Noah, S. M., Suandi, T., Juhari, R., Manap, J., Mastor, K.A., Mahmoud, A., & Kassan, H. (2007). *Muslim Religiosity and Personality Assessment: Prototype for Nation Building*. Serdang : Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS).
- Hamzah, S. R. A., Krauss, S. E., Suandi, T., Hamzah, A., & Tamam, E. (2013). The moderating effect of parent and peer influences on hedonistic behavior among undergraduate students in Malaysia. *Asian Social Science*, 9(13), 137-146.
